

Bila berjumpa dengan Doktor?

Berjumpa doktor jika ada:

- Kemerahan, kesakitan atau bengkak yang semakin teruk.
- Pendarahan yang berlebihan dan berterusan selama lebih dari 6 jam selepas cabutan gigi.
- Sakit yang tidak dapat dikawal dengan ubat penahan sakit yang diberikan.
- Tanda-tanda jangkitan seperti demam dan rasa tidak sihat.

Rujukan:

- Your guide to having teeth removed. NHS England. <https://www.england.nhs.uk/mids-east/pt-info-leaflet-extractions.pdf>
- Official portal MyHEALTH Kementerian Kesihatan Malaysia. <http://www.myhealth.gov.my>

Untuk maklumat lanjut,
hubungi Penyambut Tetamu
Perkhidmatan Pergigian kami pada
waktu-waktu bekerja:

Isnin hingga Khamis
7:00 pagi - 12:00 tengah hari
1:00 petang - 4:00 petang

Jumaat
7:00 pagi - 11:30 pagi
2:00 petang - 3:30 petang




+673 3372540



+673 7175831
(WhatsApp text only)



phc@bsp-shell.bn



Penjagaan di Rumah Selepas Bercabut Gigi



Apa yang berlaku selepas gigi dicabut?

Apabila prosedur selesai, doktor gigi awda akan meletakkan sekeping kapas gigi di atas kawasan gigi yang dicabut dan meminta awda untuk menggigitnya dengan tekanan yang kuat dan stabil. Ini membantu melambatkan pendarahan supaya bekuan darah boleh terbentuk.

Langkah seterusnya adalah seperti berikut:

1. Teruskan menggigit kapas gigi dengan kuat selama 30 minit. Gantikan kapas gigi tersebut jika sudah penuh dengan pendarahan.



2. Untuk 2 ke 2.5 jam pertama selepas gigi dicabut, teruskan menukar kapas gigi sehingga pendarahan berhenti.
3. Jika pendarahan berterusan, gigit kapas gigi baru dengan kuat selama 30 minit.
4. Berhati-hati semasa menggigit kapas gigi untuk mengelakkan gigitan secara tidak sengaja pada bibir, pipi atau lidah awda semasa anestetik masih mempunyai kesannya. Rasa kebas/panat akan berlarutan selama lebih kurang 5 ke 6 jam.
5. Jangan berkumur-kumur atau memberus gigi selama 24 jam.
6. Selepas 24 jam, kumur-kumur dengan air garam 2 ke 3 kali sehari, terutamanya selepas setiap kali makan.
7. Jangan membuat aktiviti yang berat seperti bersukan, membuat kerja fizikal atau sebagainya.
8. Jangan merokok selama 24 jam pertama.
9. Jangan makan makanan panas dan pedas selama 24 jam. Makanan yang lembut dan sejuk adalah dinasihatkan.
10. Jangan diganggu tempat yang sudah bercabut (soket) dengan lidah atau jari awda.
11. Jaga kebersihan kawasan gigi dicabut untuk mengelakkan jangkitan.
12. Ambil ubat penahan sakit seperti yang diarahkan.
13. Jika pendarahan tidak berhenti selepas 6 jam, pergi ke klinik pergigian terdekat awda semasa waktu bekerja atau ke bahagian kecemasan di hospital terdekat awda.